

CAHAYA KEDUA

“ Cahaya Ini Mengandung Tiga Nur”

Nur Pertama

Di dalam al-Qur'an terhimpun perkataan yang bersahaja dan tinggi maknanya. Ia mempunyai hubung kait yang rapat antara satu sama lain dan susunan ayat yang rapi sehingga menambahkan penjelasan maksudnya. Ini disokong oleh Ilmu al-Bayan dan Ilmu al-Ma'ani serta pandangan ribuan ulama dalam bidang ini, antaranya termasuklah Zamakhshari, al-Sakkaki dan 'Abd al-Qahir al-Jurjani. Terdapat sembilan faktor yang menyebabkan penyusunan ayat, ayat soal-jawab dan sandarannya, serta perkataan bersahaja yang menjadi lemah, tetapi kelemahan ini tidak memberi apa-apa kesan kecacatan dan pengurangan. Malah menambahkan lagi kekuatan pada penyusunan ayat dan sandarannya, kecuali pada makna-makna yang mempunyai kiasan dan terpaksa keluar dari struktur ayat dalam menjelaskan keindahan makna al-Qur'an. Hal ini seperti tunas-tunas anak pokok yang tumbuh di akar umbi yang subur. Tunas ini tidak mencatitkan keindahan pokok, bahkan menambahkan lagi penghasilan buah-buahan dan mengindahkan pohon serta menyempurnakan hiasannya.

al-Qur'an telah diturunkan dalam masa 23 tahun secara berperingkat dan berasingan serta terputus, mengikut sebab keperluannya, kesesuaian yang sempurna tampak seolah-olah ia diturunkan sekali gus.

Di sepanjang penurunannya disebabkan situasi dan kondisi yang berbeza kerana sandaran antara satu ayat dengan ayat yang lain begitu tampak sempurna, seolah-olah ia diturunkan pada suasana dan keadaan yang sama sahaja.

al-Qur'an menanggapi sesuatu persoalan secara berulang dan berturut-turut, untuk menjelaskan pelbagai persoalan tampak seolah-olah ia jawapan bagi satu soalan sahaja.

al-Qur'an menjelaskan pelbagai hukum bagi kejadian yang berlainan. Susunannya yang teratur tampak seolah-olah ia menerangkan hukum bagi suatu kejadian sahaja.

al-Qur'an mengandungi firman Allah secara teratur, sesuai dengan para pendengar yang tidak terbilang dan berlainan keadaan. Perkataannya yang bersahaja, lembut serta susunannya yang indah. Seolah-olah ia diturunkan dalam suatu keadaan dan kepada pendengar yang sama, serta ayatnya berlari seperti air *salsabil*.

Penuturan al-Qur'an ditujukan kepada berbagai-bagai bangsa dan berlainan era. Penjelasan yang mudah, susunan yang kukuh dan kefahaman yang terang tampak seolah-olah ia diperdengarkan kepada suatu bangsa sahaja.

al-Qur'an diturunkan sebagai petunjuk secara berperingkat dan berlainan tujuan, dari kesempurnaan penjelasan, adil dalam timbangan, dan indah penyusunan menunjukkan seolah-olah ia mempunyai tujuan yang sama.

Semua kesukaran ini menyerlahkan kekusutan makna dan kelonggaran ayat, tetapi ia sebenarnya digunakan untuk menampakan *i'jaz* al-Qur'an dan susunan bahasanya yang bersahaja serta maknanya yang sesuai.

Sesiapa yang mempunyai kebersihan hati, kejujuran akal, kesucian perasaan dan cita rasa yang baik, akan melihat penjelasan al-Qur'an dengan keindahan susunan ayat, kelembutan bahasa dan kelunakan iramanya serta kefasihan yang luar biasa. Sesiapa yang jelas penglihatannya akan melihat semua kehidupan yang terkandung di dalam al-Qur'an sama ada yang tersurat mahupun tersirat tanpa keraguan. Seolah-olah suatu lembaran yang terbuka

helaianya seperti yang ia kehendaki dan jelas baginya makna susunan mana-mana ayat yang diperlukan.

Jika kami hendak menjelaskan hakikat cahaya yang pertama ini dengan contoh, nescaya kami memerlukan beberapa jilid. Oleh yang demikian, kami mengkhususkan keterangan ini di dalam *al-Rasa'il al-'Arabiyah*¹ dan *Isyarat al-I'jaz* serta dalam Kalimah yang ke duapuluh lima yang terdahulu, dan juga kesemua ayat al-Qur'an sebagai contoh bagi hakikat ini .

Nur Kedua

Nur ini membincangkan kelebihan *i'jaz* dalam keindahan gaya bahasa al-Qur'an tentang pelbagai kesimpulan serta nama Allah yang terletak di hujung ayat.

Peringatan

Terdapat ayat yang begitu banyak dalam nur ini. Ayat-ayat ini tidak dikhususkan sebagai contoh untuk bahagian ini sahaja. Bahkan menjadi contoh pada pelbagai persoalan dan cahaya yang telah lalu. Sekiranya contoh ini dibincangkan dengan sejelas-jelasnya, tentulah ia memerlukan perbahasan yang panjang. Oleh itu kami terpaksa meringkaskan dan membuat kesimpulan dengan mendatangkan beberapa ayat sebagai contoh untuk menerangkan *i'jaz* yang tersirat itu. Perbahasan secara terperinci ditangguh pada masa akan datang.

al-Qur'an banyak sekali membicarakan kesimpulan yang terletak di hujung ayat, sama ada ia mengandungi nama-nama Allah atau pengertiannya mahupun dikembalikan kepada akal fikiran untuk membuat penyelesaiannya, atau ia mengandungi kaedah-kaedah umum dari maksud al-Qur'an yang boleh menguatkan ayatnya.

¹Ia sebanyak 12 risalah, terkandung di dalam kitab yang sudah dialih bahasa, iaitu
المثنوي العربي النور

Dalam kesimpulan ini terkandung tanda-tanda hikmah al-Qur'an yang tinggi, termasuklah juga pancaran air kehidupan untuk petunjuk Ilahi serta sinar pancaran *I'jaz* al-Qur'an.

Sekarang dengan ringkas kami huraikan “sepuluh tanda-tanda” dari sekian tanda yang banyak ruang. Kami juga memberikan satu contoh sahaja dari sekian contoh yang banyak dan secara ringkas menjelaskan satu hakikat sahaja dari sekian hakikat yang banyak bagi setiap satu contoh.

Sepuluh tanda ini terhimpun dalam kebanyakan ayat. Hal tersebut mewujudkan satu ukiran dan lakaran yang merupakan *i'jaz* yang sebenar. Kebanyakan ayat yang kami tunjukkan adalah sebagai contoh. Ia juga merupakan contoh bagi tanda-tanda itu. Dari setiap ayat kami menjelaskan satu tanda sahaja, di samping dengan ringkas menjelaskan makna ayat tersebut yang sudahpun kami sebutkan terdahulu pada bahagian *Kalimat*.

Kelebihan pertama dari segi perkataan yang kukuh

Keterangan al-Qur'an yang penuh dengan mukjizat telah membentangkan ciptaan Allah yang Maha Bijaksana dan memperlihatkan tanda-tanda-Nya di hadapan penglihatan. Kemudian dari ciptaan-ciptaan itu ia mengeluarkan nama-nama ketuhanan, ataupun menyebut salah satu dari tujuan asasi, seperti adanya hari perhimpunan di Padang Mahsyar dan mengesakan Allah.

Antara contoh makna yang pertama,² firman Allah (s.w.t) :
هو الذي خلق لكم ما في الأرض جميعاً ثم استوى إلى السماء فسواهن سبع سموات وهو
بكل شيء عليم (البقرة : 29)

Maksudnya:

'Dialah yang menjadikan segala yang di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikannya tujuh langit dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu'.
(al-Baqarah 2 : 29)

Antara contoh yang kedua,³ firman Allah (s.w.t):

: ² Ayat berakhir dengan nama Tuhan. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

ألم نجعل الأرض مهاداً * والجبال أوتاداً * وخلقناكم أزواجاً *
..... إن يوم الفصل كان ميقاتاً (النبأ 6-17)

Maksudnya: “Bukankah Kami telah menjadikan bumi itu sebagai hamparan ? Gunung-ganang sebagai pasak ? Dan Kami menjadikan kamu berpasang-pasangan, Sesungguhnya hari keputusan ialah satu waktu yang di tetapkan.”
(al-Naba’ 78:6-17)

Dalam ayat yang pertama, al-Qur’an memperlihatkan kesan-kesan ketuhanan yang Maha Agung. Susunan ayatnya menunjukkan keilmuan Allah dan kekuasaan-Nya. Ini merupakan pendahuluan bagi natijah yang sangat penting dan tujuan yang suci, setelah itu datanglah nama Allah *al-‘Alim*. Dalam ayat yang kedua, al-Qur’an menyebut perbuatan-perbuatan Allah yang besar dan tanda-tandanya yang Maha Agung. Di sini ia menjelaskan natijah-Nya, iaitu adanya hari memberi keputusan.

Kelebihan kedua dari segi keindahan balaghah

Sesungguhnya al-Qur’an yang mulia memperlihatkan penciptaan Ilahi dan membentangkannya di hadapan manusia. Kemudian menggulungnya dalam kesimpulan⁴ bersama dengan nama-nama Tuhan, atau memalingkannya kepada akal fikiran.

Antara contoh yang pertama,⁵ firman Allah (s.w.t):

{ قل من يرزقكم من السماء والأرض ، أمن يملك السمع والأبصار ، ومن يخرج الحي من الميت ويخرج الميت من الحي ، ومن يدبر الأمر فسيقولون الله ، فقل أفلا تتقون * فذلكم الله ربكم الحق { (يونس 31 ، 32)

Maksudnya: "Katakanlah siapa yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang berkuasa menciptakan pendengaran dan penglihatan, dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan

³ Ayat berakhir dengan gambaran salah satu tujuan al-Qur’an. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

⁴ Maksud kesimpulan ialah bahagian akhir ayat. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

⁵ Akhir ayat mengandungi nama Tuhan. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

yang mati daripada yang hidup dan siapakah yang mengatur segala urusan ? Maka mereka akan menjawab: Allah. Maka katakanlah: ‘Mengapa kamu tidak bertakwa. Maka itulah Allah, Tuhan kamu yang sebenarnya’ ”.
(Yunus 10:31-32)

Pada bahagian awal ayat tadi disebut: Siapakah yang menghias langit dan bumi, lalu menjadikan kedua-duanya gudang (tempat simpanan rezki) kamu, maka diturunkan air hujan dari langit dan dikeluarkan biji-bijian daripadanya? Siapakah selain Allah yang berkuasa menjadikan langit dan bumi dalam keadaan mentaati-Nya? Maka syukur dan puji itu hanyalah bagi-Nya yang Esa.

Pada bahagian kedua ayat itu ditanya: Siapakah yang memiliki pendengaran dan penglihatan kamu. Kedua-duanya lebih berharga daripada anggota kamu yang lain? Kilang atau tempat manakah kamu memperolehnya? Sesungguhnya Tuhan kamulah yang memberi kamu anggota-anggota yang lembut itu, antaranya termasuklah mata dan telinga! Dialah yang menciptakan kamu dan mendidikmu, itulah Tuhan yang berhak disembah dan tiada sekutu bagi-Nya.

al-Qur’an mencatatkan pula pada bahagian ketiga ayat itu: Siapakah yang menghidupkan beratus-ratus ribu daripada golongan yang sudah mati seperti Ia menghidupkan bumi? Maka siapakah selain Allah (s.w.t) pencipta alam yang boleh melakukan demikian? Tidak syak lagi, hanyalah Dia yang boleh melakukan itu dan Ia juga penghidup bumi yang mati. Selama Dialah yang benar, ia tidak akan melupakan kewajipan-Nya, dan akan dibangkitkan kamu pada Hari Perbicaraan yang besar, Ia menghidupkan kamu sepertimana Ia menghidupkan bumi yang mati.

Seterunya diajukan soalan lagi pada bahagian keempat: Siapakah selain Allah yang boleh mengurus keadaan alam yang luas ini, lalu menyusunnya dengan teratur dan mudah, seolah-olah pengurusan sebuah istana atau bandar? Kerana tiada selain Allah, maka tiadalah kekurangan pada kekuasaan yang berkuasa, mentadbir alam yang sangat luas ini dengan mudah dan senang. Dia tidak memerlukan pembantu dan penolong, itulah Dia yang

tidak mempunyai batasan. Dia tidak membiarkan pengurusan alam yang luas ini dan makhluk-makhluk yang kecil diurus selain daripada-Nya. Oleh yang demikian kamu terpaksa mengakui bahawa itulah Allah.

Kamu melihat dalam bahagian pertama dan keempat disebut Allah; bahagian kedua disebut Tuhan; bahagian ketiga disebut yang Benar. Maka fahamilah, sejauh mana kedudukan *i'jaz* yang terdapat pada ayat:

فذلكم الله ربكم الحق

Maksudnya: “maka itulah Allah, Tuhan kamu yang hak benar”

Demikianlah al-Qur'an menyebut kebesaran dan kekuasaan Allah (s.w.t) melalui penciptaan-Nya. Kemudian ia menyebut pula tangan yang mentadbir itu meninggalkan pelbagai tanda yang sempurna dan penciptaan yang sangat besar *فذلكم الله ربكم الحق*, iaitu Dia memperlihatkan tempat pemancaran keagungan ciptaan-Nya dan sumber-Nya dengan menyebut nama Tuhan: *الحق (Tuhan) الرب (Allah) الله* (yang Benar).

Antara contoh yang kedua,⁶ firman Allah (s.w.t):

"إن في خلق السموات والأرض واختلاف الليل والنهار والفلك التي تجري في البحر بما ينفع الناس وما أنزل الله من السماء من ماء فأحيا به الأرض بعد موتها وبت فيها من كل دابة وتصريف الرياح والسحاب المسخر بين السماء والأرض لآيات لقوم يعقلون" (البقرة 164)

Maksudnya: "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, perselisihan malam dan siang, dan bahtera yang berlayar di laut dengan memberi manfaat kepada manusia, dan apa-apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air Dia dihidupkan bumi sesudah mati (kering)nya, dan di bumi itu Dia menyebarkan segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dengan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi golongan yang berakal." (al-Baqarah 2:164)

⁶Akhir ayat memalingkan akal fikiran untuk membuat kesimpulan . – Penterjemah (Arab ke Melayu)

Dalam ayat ini al-Qur'an telah menyebut perkara-perkara yang terdapat pada kejadian langit dan bumi. Antaranya mentajallikan kesempurnaan kuasa Ilahi dan kebesaran Tuhan, menyaksikan keesaan-Nya, mentajallikan ketuhanan pada pergantian malam dan siang. Menampakkan rahmat-Nya dengan memberi kemudahan kapal dan perjalanannya di laut yang merupakan satu pengangkutan besar bagi kehidupan masyarakat. Memperlihatkan kebesaran kuasa Allah pada air yang turun dari langit ke bumi gersang dan menghidupkannya dengan makhluk-makhluk yang sentiasa bertambah banyak sehingga beratus-ratus ribu, seolah-olah satu gambar yang terpapar padanya segala keajaiban dan keanehan. Al-Qur'an juga memaparkan rahmat dan kuasa Allah pada kejadian binatang yang pelbagai, dari yang melata. Juga memperlihatkan rahmat dan hikmat-Nya melalui pengaturan angin dengan pelbagai aturan yang baik seperti cantuman benih pokok dan pernafasannya, boleh menolong manusia bernafas melalui gerak-geri dan goyang pokok itu. al-Qur'an juga menampakkan kewujudan Tuhan pada gerakan, himpunan dan pecahan awan yang sedang tergantung di antara langit dengan bumi; bagaikan tentera, tunduk, setia ketika menerima arahan, bertaburan ketika rehat. Kemudian berkumpul ketika mendengar taklimat dalam satu perbarisan yang besar.

Demikianlah selepas huraian ciptaan-ciptaan Tuhan, akal mendorong ke arah mendalami hakikatnya secara terperinci, maka Allah berfirman “ آيات لقوم يعقلون ” maksudnya: “Itu semua adalah sebagai tanda kepada kaum yang berfikir”. Ayat ini menyuruh kita menggunakan akal untuk merancang dan berfikir.

Kelebihan ketiga dari segi perkataan yang kukuh

Kadang-kadang al-Qur'an menyebut perbuatan Allah secara panjang lebar, kemudian diringkaskannya dengan cara kesimpulan. Dengan sebutan yang terperinci akan memberi kepuasan dan ketenangan. Sebutan ringkas itu juga memudahkan untuk menghafaznya. Contohnya:

"وكذلك يجتبيك ربك ويعلمك من تأويل الأحاديث ويتم نعمته عليك
وعلى آل يعقوب كما أتمها على أبويك من قبل إبراهيم واسحق إن
ربك علیم حكيم" (يوسف 6:12)

Maksudnya : Dan demikianlah Tuhan kamu memilih kamu
(untuk menjadi Nabi) dan diajarkan kepada kamu sebahagian
daripada taabir mimpi dan disempurnakan-Nya nikmat-Nya
kepadamu dan kepada keluarga Ya'qub, sebagaimana Dia
telah menyempurnakan nikmat-Nya kepada dua orang
bapamu sebelum itu, iaitu Ibrahim dan Ishaq. Sesungguhnya
Tuhan kamu Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
(Yusuf 12:6)

Ayat ini menunjukkan nikmat-nikmat yang telah diberikan kepada
Nabi Yusuf dan nenek moyangnya yang terdahulu, dengan berkata:
"Sesungguhnya Allah (s.w.t) telah memilih kamu dari kalangan anak-anak
Adam untuk martabat kenabian. Seluruh Nabi mempunyai hubungan dengan
kamu lalu menjadikan kamu sebagai tuan kepada seluruh manusia. Di
samping itu Dia menjadikan keluarga kamu sebagai tempat pengajaran dan
petunjuk, menyampaikan berbagai-bagai ilmu dan hikmat ketuhanan. Maka
untuk kamu Allah telah menghimpunkan segala kekuasaan dunia yang
bahagia dan kesenangan akhirat yang kekal. Ia menjadikan kamu - dengan
ilmu dan hikmah itu - orang termulia di Mesir, Nabi yang besar, petunjuk
yang bijaksana...setelah menyebut nikmat-nikmat tersebut, dan bagaimana
Allah telah menjadikannya dan nenek moyangnya dengan ilmu dan hikmah
orang terbaik, firman Allah: *Inna rabbaka 'alimun hakim* إن ربك علیم حكيم
Kehendak Tuhan dan hikmah-Nya menjadikan kamu serta nenek moyang
kamu memperolehi cahaya nama Allah iaitu Maha Mengetahui lagi Maha
Bijaksana -- *al-'Alim al-Hakim* . العلیم الحكيم

Demikianlah al-Qur'an menghuraikan nikmat-nikmat yang panjang
lebar itu dengan begitu ringkas. Contohnya, firman Allah (s.w.t):

قل اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء ... وترزق من تشاء بغير
حساب
(آل عمران 26-27 : 3)

Maksudnya: “Katakanlah wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan. Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki ... dan Engkau memberi rezeki siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab.” (Ali ‘Imran 3:26-27)

Ayat ini menerangkan perbuatan-perbuatan Allah dalam kumpulan manusia, faedah yang boleh didapati daripadanya ialah:

Keagungan, kehinaan, kemiskinan dan kekayaan berkaitan terus dengan kehendak Allah dan kemahuan-Nya, iaitu gerak-geri dalam kebanyakan peringkat mengikut kehendak Allah dan bukan secara kebetulan.

Setelah ayat ini menjelaskan hukum, kamu berkata: Sesungguhnya perkara yang paling besar dalam kehidupan manusia ialah rezeki. Pada beberapa mukadimah ayat disebut bahawa rezeki itu datang secara terus menerus dari khazanah pemberi rezeki yang sebenarnya. Sesungguhnya rezeki kamu berhajatkan kesuburan tanah, kesuburan tanah berhajatkan musim bunga, musim bunga adalah dalam tangan yang menjadikan matahari, bulan dan menukar ganti siang dan malam. Oleh itu pemberian buah epal kepada seseorang merupakan satu rezeki. Ia merupakan hasil usaha yang memenuhkan bumi dengan pelbagai buahan dan Dialah pemberi rezeki yang sebenar-Nya.

Setelah huraian terperinci ini, al-Qur’an meringkaskannya dengan kesimpulan firman-Nya: *Wa tarzuqu man tasha’ bi ghayr hisab* "وترزق من تشاء" .
بغير حساب"

Kelebihan keempat dari segi keindahan balaghah

al-Qur’an menyebut kejadian makhluk Ilahi secara teratur mengikut susunan tertentu. Kemudian menerangkan bahawa pada setiap kejadian itu terdapat peraturan dan timbangan tertentu yang boleh menampakkan tujuan kejadian makhluk itu. Keadaan ini seolah-olah memberi satu gambaran nipis dan jelas tentang nama-nama Tuhan pada setiap kejadian-Nya, seolah-olah makhluk tersebut merupakan bentuk perkataan, Nama-nama ini merupakan makna

bagi-Nya, ataupun perkataan itu sebagai buah-buahan dan nama-nama itu menjadi biji atau intinya. Contohnya :

"ولقد خلقنا الإنسان من سلالة من طين * ثم جعلناه نطفة في قرار مكين * ثم خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضغة فخلقنا المضغة عظماً فكسونا العظام لحماً ثم أنشأناه خلقاً آخر فتبارك الله أحسن الخالقين" (المؤمنون 12-14).

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami menciptakan manusia dari tanah * Kemudian Kami menjadikan tanah itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim)* Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging. Dengan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami menjadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha Sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik." (al-Mu'minun 23:12-14)

al-Qur'an menyebut peringkat kejadian manusia yang menakjubkan, indah dan tersusun, jelas seperti cermin, *fa tabaraka 'Llahu ahsan al-Khaliqin*

"فتبارك الله أحسن الخالقين" seolah-olah setiap peringkat menampakkan diri-

Nya. Ayat tersebut ialah wahyu Diri-Nya Sendiri, bahkan sudah wujud sebelum datangnya si penulis wahyu, sehingga timbul perasaan syak wasangka pada dirinya, lalu ia berkata: Adakah ini diwahyukan kepada saya juga? Pada hal kesempurnaan susunan penuturan di bahagian pertama, wujudnya perkataan-perkataan yang menarik dan bersesuaian dengan kehendak dapat melihat dirinya sebelum kedatangan ayat ini.

Demikian juga firman Allah (s.w.t):

"إن ربكم الله الذي خلق السموات والأرض في ستة أيام ثم استوى على العرش يُغشي الليل النهار يطلبه حثيثاً والشمس والقمر والنجوم مسخرات بأمره ألا له الخلق والأمر تبارك الله رب العالمين" (الأعراف : 54).

Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Dia bersemayam di atas Arasy. Dia menutupkan malam dengan siang yang mengikutinya dengan cepat, dan (diciptakan-Nya

pula) matahari, bulan dan bintang-bintang (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya, mencipta dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam.”
(al-A’raf 7: 54)

Ayat ini menerangkan tentang keagungan kekuasaan Ilahi Yang Maha Kuasa, bersemayam di atas Arasy. Tanda ketuhanan-Nya menguasai alam ini, lalu Dialah yang menukar malam kepada siang, seolah-olah dua utas tali reben saling bertindih. Matahari, bulan dan bintang-bintang bersedia menerima arahan seperti tentera yang patuh. Oleh itu setiap insan yang mendengar ayat ini akan berkata: *Tabaraka’Llahu Rabb al-‘alamin Baraka’Llah .. Ma sha’a’Llah* . تبارك الله رب العالمين .. بارك الله . ما شاء الله . Ayat tersebut ialah kesimpulan beberapa ayat yang terdahulu seperti biji-bijian buah-buahan dan air untuk kehidupannya.

Kelebihan kelima dari segi perkataan yang kukuh

al-Qur’an ada menyebut benda-benda materi yang terdedah kepada perubahan. Ia menjadi hukum bagi pelbagai cara dan keadaan, menjadikan hakikat yang jelas nyata untuk dibuat kesimpulan, sama ada dengan menyebut nama Tuhan yang merupakan satu sinaran, gambaran keseluruhan hakikat yang nyata, ataupun kesimpulan yang membawa akal untuk berfikir serta mengambil pengajaran.

Antara contoh makna yang pertama,⁷ firman Allah (s.w.t):

" وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ * قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ "
(البقرة 31-32).

Maksudnya:” Dan kepada Adam Dia mengajarkan nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu Dia berfirman: Sebutkanlah nama benda-benda itu kepada-Ku jika kamu memang orang-orang yang benar. Mereka menjawab: ‘Maha Suci Engkau, tidak tiada yang kami ketahui selain daripada apa yang telah Engkau ajarkan kepada

⁷Maksudnya kesimpulan yang menggambarkan nama Tuhan bagi makna yang menggambarkan benda-benda materi yang terdedah kepada perubahan. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

kami, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.’ ”
(al-Baqarah 2: 31-32)

Ayat ini menyebut sebahagian dari satu peristiwa, iaitu sebab melebihi Adam dalam urusan kekhalifahan daripada malaikat disebabkan ilmu. Kemudian menyebut peristiwa kekalahan malaikat di hadapan Saidina Adam tentang persoalan ilmu. Setelah itu disimpulkan kedua-dua peristiwa itu dengan menyebut dua nama dari *al-asma' al-husna* – *Anta al-'Alim al-Hakim* (أنت العليم الحكيم) - dengan erti kata bahawa malaikat berkata: Kamu Ya Allah ! Maha Mengetahui, telah mengajar Adam sehingga dapat mengalahkan kami. Kamu Maha Bijaksana telah memberi segala yang sesuai sebagai persediaan kami, Kamu melebihkannya daripada kami dengan persediaannya.

Antara contoh makna yang kedua:⁸

"وإن لكم في الأنعام لعبرة نسقيكم مما في بطونه من بين فرث ودم
لبناً خاصاً سائغاً للشاربين * ومن ثمرات النخيل والأعناب تتخذون
منه سكراً ورزقاً حسناً إن في ذلك لآية لقوم يعقلون * وأوحى ربك
إلى النحل أن اتخذي من الجبال بيوتاً ومن الشجر ومما يعرشون *
ثم كلي من كل الثمرات فاسلكي سبيل ربك ذللاً يخرج من بطونها
شراباً مختلف ألوانه فيه شفاء للناس إن في ذلك لآية لقوم يتفكرون
(النحل : 66 - 69) ."

Maksudnya: “Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang berada dalam perutnya; (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya. Dan dari buah korma dan anggur, kamu buat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang memikirkan.

Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah : Buatlah sarang-sarang di bukit-bukau, di pepohon kayu, dan tempat-tempat yang disediakan oleh manusia. Kemudian makanlah dari pelbagai buah dan laluilah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan. Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat obat yang

⁸Kesimpulan yang membawa akal untuk berfikir dan mengambil pengajaran bagi makana yang menggambarkan benda-benda material yang terdedah kepada perubahan. – Penterjemah (Arab ke Melayu)

menyembuhkan manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan.”

(al-Nahl 16:66-69)

Ayat ini menunjukkan Allah telah menjadikan kibas, kambing, unta dan sebagai dari makhluk-Nya yang mengeluarkan susu, lalu menjadikan anggur dan tamar sebagai nikmat yang lazat. Sebagaimana Allah menjadikan lebah sebagai mukjizat kekuasaan-Nya, begitulah ia mengeluarkan madu sebagai ubat kepada manusia, ditambah dengan kelazatan dan kemanisannya. Akhir ayat ini membawa kita untuk bertafakkur, mengambil pengajaran dan membuat perbandingan dengan yang lain, seperti firman-Nya: *Inna fi dhalik*

la ayah li-qawm yatafakkarun

" إن في ذلك لآية لقوم يتفكرون "

Kelebihan keenam dari segi keindahan balaghah

al-Qur'an telah mengemukakan hukum ketuhanan dengan begitu luas dan tersebar, kemudian menyatukannya dalam satu isi penting, atau menepatinya dalam satu kaedah yang merangkumi semua. Contohnya, firman Allah

(s.w. t):

"وسع كرسيه السموات والأرض ولا يؤده حفظهما وهو العلي العظيم" (البقرة 255 :

.(2

Maksudnya: “Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara kedua-duanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

(al-Baqarah 2: 255)

Ayat kursi ini mengandungi 10 ayat yang memperlihatkan 10 peringkat ketauhidan dalam pelbagai bentuk, kemudian menggugurkan unsur-unsur syirik dan perkara-perkara yang bukan daripada Allah, sebagaimana firman-Nya :

"من ذا الذي يشفع عنده إلا بإذنه"

Ayat ini menyebut nama Maha Agung yang mempunyai makna hakikat darjat keilahian yang paling tinggi, kerana ia menerangkan perbuatan ketuhanan pada martabat yang paling agung. Setelah menyebut semua perkara yang dilaksanakan oleh Tuhan di langit dan di bumi, al-Qur'an menyebut penjaga-Nya yang sempurna itu. Kemudian meringkaskan sumber-sumber ketajallian Tuhan itu dalam kesepaduan rumpun, dengan firman-Nya *Wa*

huwa al- 'Ali al- 'Azim "وهو العلي العظيم"

Salah satu contohnya lagi:

"الله الذي خلق السموات والأرض وأنزل من السماء ماءً فأخرج به من الثمرات رزقاً لكم وسخر لكم الفلك لتجري في البحر بأمره وسخر لكم الأنهار * وسخر لكم الشمس والقمر دائبين وسخر لكم الليل والنهار * وآتاكم من كل ما سألتموه وإن تعدوا نعمة الله لا تحصوها" (إبراهيم : 32-34).

Maksudnya: "Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu pelbagai buah yang menjadi rezeki untukmu, dan Dia telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu berlayar di lautan dengan kehendak-Nya, dan Dia telah menundukkan (pula) sungai-sungai bagimu. Bagimu juga Dia menundukkan matahari dan bulan yang terus menerus beredar, dan juga menundukkan malam dan siang. Dia memberikan kepadamu (keperluanmu) dari segala apa yang kamu mohonkan kepadanya. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, tidaklah dapat kamu hitung."

(Ibrahim 14: 32-34)

Ayat ini jelas menunjukkan bagaimana Allah menjadikan alam sebagai istana buat manusia, lalu mengalirkan air untuk kehidupan dari langit ke bumi. Dia menjadikan langit dan bumi seperti khadam yang bekerja menyampaikan rezeki kepada sekalian manusia, sebagaimana kapal memberi peluang kepada setiap manusia belayar dengannya, untuk mengaut hasil bumi. Demi menjamin kehidupan manusia, setiap individu itu dapat tukar-menukar hasil usaha mereka. Allah menjadikan bagi setiap lautan, pokok angin yang mempunyai kedudukan yang khusus, sementara angin seperti tali cemeti, kapal seperti kuda, laut seperti padang pasir yang luas. Allah (s.w.t) juga menjadikan perhubungan manusia dengan alam sekelilingnya dengan

pengangkutan kapal ataupun perjalanan darat dan sungai, juga menjadikan baginya matahari dan bulan sebagai pekerja kapal, tunduk kepada peredaran alam yang luas dan mendatangkan pelbagai musim serta menyediakan pelbagai nikmat Ilahi kepadanya. Allah menjadikan juga malam dan siang, malam itu sebagai pakaian yang menutup manusia, agar beristirahat, siang pula untuk mencari rezeki.

Setelah kepelbagaian nikmat Ilahi ini, datang pula ayat yang menyimpulkan semuanya itu: *Wa atakum min kulli ma sa'altumuh wa in ta'uddu ni'mata'Llah la tuhsuha* "وَأَتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا" Untuk menjelaskan sejauh mana keluasan nikmat Allah Taala ke atas manusia dan bagaimanakah ianya penuh dengan pelbagai nikmat, iaitu setiap yang diminta oleh manusia sama ada dengan hati atau lidah telah diberikan oleh Allah kepadanya. Nikmat itu terlalu banyak, tidak habis dan tidak terbilang.

Kelebihan ketujuh dari segi keindahan balaghah

Ayat ini menerangkan hasil bagi sesuatu sebab-musabab dan tujuannya, untuk membezakan sebab yang zahir (perbuatan manusia), dan mengambil dari penyebab (Tuhan) itu sebagai kuasa ciptaan. Dan hendaklah ia ketahui bahawa sebab (perbuatan manusia) itu merupakan penghalang yang nyata. Kerana ingin mencapai kebijaksanaan, sebenarnya kebijaksanaan itu datang daripada Yang Maha Mengetahui lagi Bijaksana. Ayat ini dapat memberi faedah dengan menyebut hasil dan tujuan. Sesungguhnya sebab-musabab itu sekalipun tampak ia berhubung kait dengan penyebab tetapi sebenarnya mempunyai jarak perbezaan yang sangat jauh.

Kerana sebab dan penyebab mempunyai jarak yang jauh, maka antara jarak yang jauh sebab dengan penyebab itu terpancarlah Nama Tuhan seperti bintang-bintang bercahaya. Kemunculan Nama-nama itu bersifat maknawi, seperti kelihatan adanya hubungan antara kaki langit dengan gunung-ganang, di sekelilingnya yang berhubung kait dengannya. Sedangkan terdapat jarak

yang amat besar antara benda-benda di sekelilingnya dengan langit. Begitu juga antara sebab dan penyebab terdapat jarak maknawi yang sangat besar, tidak dapat dilihat kecuali dengan teropong iman dan cahaya al-Qur'an.

Antara contohnya, firman Allah (s.w. t):

فليُنظِرِ الْإِنْسَانَ إِلَىٰ طَعَامِهِ * أَنَسَا صَدَّبْنَا الْمَاءَ صَدْبًا * ثُمَّ شَقَقْنَا
الْأَرْضَ شَقًّا * فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا * وَعَنْبًا وَقَضْبًا * وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا *
وَحَدائقَ غُلْبًا * وَفَاكِهَةً وَأَبًّا * مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ (عبس : 24-32).

Maksudnya: “Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya, sesungguhnya Kami benar-benar telah mencurahkan air dari langit. Kemudian kami membelah bumi dengan sebaik-baiknya, lalu Kami menumbuhkan biji-bijian di bumi itu, anggur dan sayur-sayuran, zaitun dan pohon kurma, kebun-kebun yang lebat dan buah-buahan dan rerumput, untuk kesenanganmu dan untuk binatang-binatang ternakanmu.”

(‘Abasa 80: 24-32)

Ayat ini menyebut mukjizat-mukjizat Ilahi secara tersusun dan bijaksana, menghubungkaitkan sebab dengan penyebab. Pada penutup dijelaskan tujuannya dengan lafadh *متاعاً لكم ولأنعامكم*. Di akhir itu juga ditunjukkan tingkah laku yang tersirat di sebalik sebab dan penyebab.

(*متاعاً لكم ولأنعامكم*)
Sesungguhnya ungkapan *متاعاً لكم ولأنعامكم* itu mengambil semua sebab kuasa untuk kewujudan. Kamu akan berkata: “Air diturunkan dari langit sebagai penyediaan rezeki kamu dan binatang ternak. Ia tidak turun dengan sendirinya kerana tidak mempunyai kuasa yang menunjukkan kasih sayang dan belas kasihan kepada kamu dan binatang ternakan. Oleh itu akan diutus curahan hujan daripada Yang Berkuasa”.

Tanah tidak mempunyai perasaan, apatah lagi mengasihani dan menyediakan rezeki bagi kamu. Tanah itu tidak terbelah dengan sendiri melainkan Dia (Tuhan) yang dapat membelahnya dan memberi nikmat-nikmat daripada-Nya kepada kamu.

Begitu juga pokok dan tumbuh-tumbuhan, ia jauh sama sekali dari menyediakan buah-buahan dan biji-bijian sebagai belas kasihan dan memberi rezeki kepada kamu semua. Oleh itu terdapat seutas tali yang terjantai di sebalik tabir ghaib, dihulurkan oleh yang Maha Bijaksana lagi Penyayang. Ia mengantungkan nikmat-nikmat di situ lalu dikirirkan kepada semua kehidupan. Begitulah jelasnya kepada kita, melalui ayat Nama-nama Tuhan yang banyak seperti al-Rahim, al-Razzaq, al-Mun'im, dan al-Karim.

Contohnya:

" ألم تر أن الله يُزجي سحاباً ثم يؤلف بينه ثم يجعله ركاماً فترى الودق يخرج من خلاله وينزل من السماء من جبال فيها من برد فيصيب به من يشاء ويصرفه عن من يشاء يكاد سنا برقه يذهب بالأبصار * يقلب الله الليل والنهار إن في ذلك لعبرة لأولي الأبصار * والله خلق كل دابة من ماء فمنهم من يمشي على بطنه ومنهم من يمشي على رجلين ومنهم من يمشي على أربع يخلق الله ما يشاء إن الله على كل شيء قدير " (النور : 43- 45).

Tidakkah kamu melihat bahawa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan antara (bahagian-bahagian)nya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih. Maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan (butir-butiran) salji dari langit, iaitu dari (gumpalan-gumpalan awan) seperti gunung-ganang. Maka ditimpakan-Nya salji itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari sesiapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan. Allah menggantikan malam dan siang, sesungguhnya pada yang demikian itu pelajaran yang besar bagi orang yang mempunyai penglihatan. Dan Allah telah menciptakan semua jenis haiwan dari air, maka sebahagian dari haiwan itu ada yang berjalan di atas perutnya dan sebahagian berjalan dengan dua kaki, sedang sebahagian yang lain berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Nur 24:43-45)

Ayat ini menjelaskan tingkah laku yang ajaib pada penurunan hujan dan pembentukan awan yang merupakan suatu tabir yang dengannya tersirat rahmat Ilahi. Sepenting-penting mukjizat ketuhanan, dijelaskannya seolah-olah ceraihan awan bertebaran yang tersirat dalam perut langit biru itu, seperti

tentera-tentera yang berkeliaran untuk berehat. Ia akan terkumpul dengan perintah Allah lalu bersatulah ceraihan-ceraian tersebut menjadi segumpal awan seperti bala tentera berhimpun ketika mendengar suara trompet askar. Maka diturunkan hujan untuk menghidupkan semua kehidupan. Penurunan hujan dari awan-awan yang sebesar bukit, seputih dan sesejuk salji rasanya akan memperlihatkan kehadiran hujan sebagai suatu utusan. Tidak akan terkumpul ceraihan-ceraian awan kecil seperti bukit pada waktu langit cerah, melainkan dikirimkan oleh Yang Maha Mengetahui kehidupan tersebut. Dari penjelasan di atas terserlah Nama-nama Tuhan seperti al-Qadir, al Alim, al-Mutasarrif, al-Mudabbir, al-Murabbi, al-Mughith dan al-Muhyi.

Kelebihan kelapan dari segi perkataan yang kukuh

al-Qur'an menyebut perbuatan Allah yang ajaib lagi indah di dunia ini, agar setiap akal dapat mempercayai-Nya dan menyediakan hati untuk beriman dengan segala perbuatan mukjizat-Nya di akhirat. al-Qur'an juga menggambarkan keajaiban perbuatan Ilahi yang akan berlaku pada masa akan datang dan pada Hari Akhirat dengan gambaran membolehkan kita percaya dan merasa tenang dengan apa yang dilihat seumpamanya. Contohnya:

" أو لم ير الإنسان أنا خلقناه من نطفة فإذا هو خصيم مبين "

sehingga akhir ayat dari surah Yasin itu.

Ayat ini berhubung dengan Hari Kiamat, ia menjelaskan beberapa dalil tentang adanya hari tersebut dengan tujuh atau lapan gambaran yang berlainan.

Ia terlebih dahulu mengemukakan ciptaan awal manusia pada tahap pertama dengan menyebut:

Kamu akan melihat proses penciptaanmu dari setitik air mani ke segumpal darah, dari segumpal darah ke segumpal daging, dari segumpal daging dibentuk menjadi manusia. Oleh itu bagaimanakah kamu mengingkari kebangkitanmu pada Hari Akhirat, ia seperti ini, malah lebih mudah lagi ?

Kemudian ayat " الذي جعل لكم من الشجر الأخضر ناراً " ini menunjukkan nikmat yang dikurniakan kepada manusia. Pengurniaan semua nikmat itu tidak akan mensia-siakan kamu dan tidak membiarkan kamu kekal tidur di

dalam kubur tanpa dibangunkan. Kemudian Dia berkata sebagai metafora, sesungguhnya kamu akan melihat kehidupan dan kehijauan pokok-pokok yang telah mati. Bagaimanakah kamu menjauhi tulang yang serupa dengan bara untuk hidup dan tidak dikias kepadanya? Apakah mungkin tidak berdaya untuk menghidupkan benda-benda di langit dan di bumi dari menghidupkan manusia dan mematikannya, sedangkan ia merupakan hasil langit dan bumi?

Adakah mungkin bagi sesiapa yang mentadbir pokok-pokok membiarkan buahnya untuk orang lain? Adakah kamu menyangka perkara itu dibiarkan begitu sahaja, sedangkan ia telah diuli oleh semua ceraian kecil dengan bijaksana dan membiarkan hasilnya begitu sahaja? Demikianlah yang menghidupkan kamu di Padang Mahsyar, ditangan-Nyalah kunci langit dan bumi dan semua kejadian tunduk kepada-Nya seperti tentera yang taat.

Ditundukannya mereka itu dengan perintah *Kun Fayakun*. Siapakah yang menjadikan musim bunga begitu mudah seperti menjadikan sekuntum bunga dan menjadikan semua binatang secara mudah dengan kuasa-Nya seperti menjadikan lalat. Maka tidak dan sama sekali tidak ditanyakan persoalan untuk melemahkan yang empunya kuasa dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian: *man yuhyi al-'izam* (من يحيي العظام).

Rangkap ayat ini, *Fa subhana alladhi biyadhi malakut kulli shay'* (فسبحان الذي بيده ملكوت كل شيء) menjelaskan bahawa di tangan Allah (s.w.t) lah kunci segala sesuatu. Dialah yang menukar malam dan siang, dari musim sejuk ke musim panas secara mudah seolah-olah lembaran buku. Dunia dan akhirat disisinya seperti dua buah rumah yang boleh dibuka dan ditutup. Jika begitu, maka natijah bagi semua dalil ialah: *wa ilayh turja'un* (وإليه ترجعون). Dialah yang menghidupkan sesiapa yang ada di dalam kubur dan mendorongkannya di Padang Mahsyar serta menyempurnakan hisab kamu di hadapan dewan-Nya yang suci.

Demikianlah kamu melihat ayat-ayat ini telah menyediakan buah fikiran dan memberi persediaan kepada hati tentang persoalan Pandang Mahsyar dengan ukuran perbuatan di dunia.

Dan al-Qur'an juga menyebut perbuatan akhirat dalam bentuk rupa yang boleh di rasa dengan menunjukkan contoh di dunia agar tidak mengingkari dan menjauhinya.

Contohnya:

"بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ * إِذَا الشَّمْسُ كَوَّرَتْ * وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ *
* وَإِذَا الْجِبَالُ سَوَّيَتْ * وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ * وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ *
* وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ * وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ * وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ *
بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ * وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ * وَإِذَا السَّمَاءُ كُشِطَتْ * وَإِذَا
الْجَحِيمُ سُعِّرَتْ * وَإِذَا الْجَنَّةُ أُزْلِفَتْ * عَلِمْتَ نَفْسَ مَا أَحْضَرْتَ * ... "

sehingga akhir surah.

Maksudnya: "Apabila matahari digulung, bintang-bintang berjatuhan, gunung dihancurkan, unta-unta yang bunting ditinggalkan, binatang-binatang liar dikumpulkan, lautan dijadikan meluap, dan roh-roh ditemukan, bayi-bayi perempuan yang dikuburkan hidup-hidup ditanya kerana dosa apakah ia dibunuh, dan catatan-catatan amal dibuka, langit dilenyapkan, neraka jahim dinyalakan, dan apabila syurga didekatkan; maka tiap-tiap jiwa mengetahui apa yang telah dikerjakannya... hingga ke akhir surah"
(al-Takwir 81:1-14 – hingga akhir)

"بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ * إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ * وَإِذَا الْكُوَاكِبُ
انْتَشَرَتْ * وَإِذَا الْبِحَارُ فُجِّرَتْ * وَإِذَا الْقُبُورُ بُعْثِرَتْ * عَلِمْتَ نَفْسَ مَا
قَدِمْتَ وَأَخَّرْتَ "

sehingga akhir surah.

Maksudnya: "Apabila langit terbelah, bintang-bintang jatuh berserakan, lautan dijadikan meluap, dan apabila kuburan-kuburan dibongkar, maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan yang dilalaikannya."
(al-Infitar 82: 1-5 – hingga akhir)

"بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ * إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ * وَأَذْنَتْ لربِّهَا وَحَقَّتْ * وَإِذَا
الْأَرْضُ مَدَّتْ * وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ * وَإِذْنَتْ لربِّهَا وَحَقَّتْ * ... "

sehingga akhir ayat.

Maksudnya: "apabila langit terbelah, dan patuh kepada Tuhannya dan sudah semestinya langit itu patuh; dan apabila bumi diratakan, dan dilemparkan apa yang ada di dalamnya serta menjadi kosong, dan patuh kepada Tuhannya."
(al-Inshiqaq 84:1-5 - hingga akhir)

Kamu akan melihat bahawa surah-surah ini menyebut perubahan kejadian, juga perbuatan ketuhanan yang utuh dengan gaya bahasa yang menjadikan hati manusia tertawan dalam ketegunan dan memukau fikiran, terus dalam kehairanan. Bagaimanapun seseorang manusia itu, apabila dia melihat kejadian pada musim luruh dan musim bunga, ia akan dapat menerimanya dengan senang dan mudah. Demikian juga penafsiran ketiga-tiga surah ini panjang, kita hanya mengambil satu sahaja sebagai contoh: *Wa idha al-suhuf nushirat* . (وإذا الصحف نشرت) . Ayat ini menyatakan bahawa pada perhimpunan Padang Mahsyar akan dibentangkan segala amalan seseorang yang tertulis dalam satu catatan. Persoalan ini adalah pelik dan ajaib, dengan ayat tersebut tidak dapat dicungkil oleh pemikiran walau apapun caranya. Surah berkenaan samalah seperti perhimpunan pada musim bunga, dan samalah juga bagi isi-isi perumpamaan yang lain. Begitu juga perumpamaan “pembentangan catatan” adalah amat jelas sekali. Setiap buah, dahan dan pokok mempunyai tugasnya yang tersendiri dan fungsinya yang tertentu. Ia melakukan pengabdian dan bertasbih dengan bentuk yang menzahirkan nama-nama Tuhan Yang Maha Indah, maka semua pekerjaan tersebut mencakupi sepanjang riwayat hidupnya dari asal usul dan matlamatnya. Ia akan memmanifestasikan keseluruhannya pada musim bunga yang lain di tempat yang berlainan. Dengan perkataan yang lebih seni bahasanya (balaghahnya mengagumkan), laku perbuatan induk dan asal usulnya termasuklah bentuk dan kelakuan yang zahir. Demikianlah juga Dia (Tuhan) akan membentangkan biodata perbuatannya dengan menumbuhkan dahan-dahan dan mengeluarkan dedaun serta buah-buahan.

Sesungguhnya yang melaksanakan ini semua di hadapan kita dengan penuh hikmat, terjaga, terurus, terdidik dan penuh kelembutan ialah Dia melalui firman-Nya: *Wa idha al-suhuf nushirat* . (وإذا الصحف نشرت) . Dan begitu juga, ukur bandinglah data-data yang lain dengan kaedah ini. Sekiranya kamu berupaya membuat kesimpulan, maka buatlah rumusan. Justeru untuk membantu dan menolong kamu, kami juga menyebutkan *Wa idha al-shams kuwwirat* (إذا الشمس كورت) . Sesungguhnya perkataan *kuwwirat* (كورت) yang dikehendaki dalam ayat ini bermaksud: dibalut dan dikumpulkan. Ia

merupakan perumpamaan yang hebat, jelas menunjukkan perumpamaan di dunia ini.

1. Sesungguhnya Allah (s.w.t) dengan mengangkat hijab dari matahari itu yang menerangi dunia seperti sebuah lampu. Dia telah mengeluarkan khazanah rahmat-Nya dengan memanifestasikannya ke dunia ini. Dia akan membalut permata itu (matahari) dan menudungnya ketika berakhirnya dunia ini.
2. Matahari ditugaskan dan diarahkan supaya menyebarkan kilauan cahayanya pada siang hari dan membalutnya pada waktu petang. Dan begitulah silih bergantinya siang dan malam untuk kepentingan bumi. Ia (matahari) mengumpulkan semua keperluannya. Kemudian bulan mengambilalih tugas hingga ke suatu ketika. Sehingga tiba suatu hari dimaafkan (terkecuali) dari kepentingannya, dan diasingkan dari tugasnya walaupun tidak wujud sebab untuk kemaafan dan mengengapikan fungsinya. Proses tersebut telah “meluas” di atas permukaan matahari seperti yang dikemukakan oleh ahli astronomi tentang berlakunya dua tempat kebocoran ozon sekarang ini yang jelas semakin meluas sedikit demi sedikit. Dengan kebocoran ozon ini yang semakin hari membesar, tetapi dengan izin Tuhan, cahaya yang tersebar di atas permukaan bumi akan membalut dirinya dengan sendiri (matahari). Tuhan Yang Maha Mulia telah berfirman: Setakat inilah tugas kamu selesai di atas permukaan bumi, ayuh pergi ke neraka jahanam untuk membakar mereka yang menyembah-Mu, menghina tugas cakerawala seumpamamu, membencinya dengan menuduh perbuatan khianat serta tidak menunaikan janji. Dengan itu matahari berkata: Itulah urusan rabbani (Tuhan): *Idha al-shams kuwwirat* (إذا الشمس كورت) di sebahagian wilayah-Nya.

□ **Kelebihan Kesembilan Dari Segi Keindahan Balaghah**

al-Qur'an al-karim telah menyebut sebahagian daripada tujuan khusus (*juz'iyah*) untuk ditukarkan *juz'iyah* tersebut kepada kaedah-kaedah umum

(*kulliyah*) dan mengerakkan pemikiran untuk menetapkan maksud yang *juz'i* tersebut serta mengakuinya dan menguatkannya dengan nama-nama Tuhan yang merupakan kaedah *kulliyah*. Cohtohnya, firman Allah (s.w.t):

قد سمع الله قول التي تجادلك في زوجها وتشتكي إلى الله والله يسمع
تحاوركما إن الله سميع بصير (المجادلة : 1)

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah mendengar
perkataan wanita yang memajukan gugatan kepada kamu
tentang suaminya, dan mengadukan (halnya) kepada Allah.
Dan Allah mendengar soal-jawab antara kamu berdua.
Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”
(al-Mujadalah 58:1)

al-Qur'an menjelaskan fakta bahawa Allah mendengar segala benda sehingga Dia mendengar namanya (al-Haqq) sendiri, merupakan perkara khusus (*juz'iyah*). Peristiwa kelembutan seorang perempuan merupakan pentajallian rahmat Tuhan, yang merupakan mahkota kepada realiti kasih sayang dan lemah lembut. Allah telah mengambil perhatian terhadap dakwaan wanita tentang suaminya sepertimana perkara-perkara besar yang lain dengan nama al-Rahim. Allah memperhatikan wanita tersebut dengan sesungguhnya berdasarkan nama al-Haqq.

Untuk menjadikan maksud yang khusus (*juz'i*) ini meliputi umum (*kulli*), ayat al-Qur'an tersebut menyatakan bahawa Dia mendengar dan melihat sekecil-kecil peristiwa dari kalangan makhluk-Nya. Dialah terkaya daripada segala yang mungkin. Dia yang merupakan Tuhan sejagat, melihat apa jua di maya pada ini yang berupa kezaliman dan rintihan yang teraniaya. Sesiapa yang tidak melihat bencana dan tidak mendengar aduan mereka, maka tidak mungkin Dia menjadi Tuhan mereka.

Oleh itu, ayat *Inna'Llaha Sami'un Basir* (إن الله سميع بصير) menjelaskan dua kebenaran yang agung, seperti yang dinyatakan, di samping maksud yang khusus (*juz'i*) tadi satu perkara yang umum (*kulli*).
Contoh yang kedua, firman-Nya:

فسبحان الذي أسرى بعبده ليلاً من المسجد الحرام إلى المسجد الأقصى
الذي باركنا حوله لنريه من آياتنا إنه هو السميع البصير (الإسراء : 1)

Maksudnya: “Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, supaya Kami memperlihatkan sebahagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami kepadanya. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

al-Qur’an al-karim menamatkan ayat ini dengan ungkapan *Innahu Huwa al-Sami’ al-Basir* (إنه هو السميع البصير) setelah menyebut peristiwa Israk dan Mikraj Rasul-Nya (s.a.w) yang dikasihi dari tempat permulaan Mikraj, iaitu Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, dan penghujungnya yang dimaklumkan oleh surah al-Najm.

Ganti nama *innahu* إنه boleh dimaksudkan sebagai Allah Ta’ala dan boleh juga dimaksudkan Rasul-Nya (s.a.w). Apabila ia dirujuk sebagai Rasul-Nya (s.a.w), maka seni balaghah dan kesesuaian ungkapannya bermaksud: Sesungguhnya perjalanan yang khusus (*juz’i*) ini ialah sebahagian daripada perjalanan yang umum, dan dalam penaikan yang umum (*kulli*) ini dia telah mendengar dan menyaksikan segala yang terpendang olehnya. Didengarnya ayat-ayat ketuhanan dan melihat keindahan ciptaan Ilahi sepanjang penaikannya di martabat-martabat yang umum bagi nama Tuhan sehinggalah ke Sidratul Muntaha. Semua ini menunjukkan bahawa perjalanan yang khusus (*juz’i*) merupakan kunci kepada perjalanan yang umum merangkumi semua keajaiban ciptaan Ilahi.

Jika sekiranya gantinama tersebut dimaksudkan Allah (s.w.t), maka ketika itu maknanya adalah begini: bahawa Allah Taala telah memanggil hamba-Nya untuk datang ke pangkuan-Nya, demi memberikan sesuatu yang penting dan memikulkan suatu tugas. Lalu Dia menjalankannya dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang merupakan tempat perhimpunan para Nabi. Setelah pertemuan dengan para Nabi dan memperlihatkan bahawa dia (Muhammad) sebagai pewaris penghulu Nabi. Di perjalankannya di sekitar ruangan kerajaan-Nya sehingga sampai ke Sidratul Muntaha sedekat dua panahan atau lebih hampir lagi.

Begitulah perjalanan itu merupakan Mikraj yang merupakan khusus (*juz'i*), serta menaikannya untuk membawa suatu amanah yang besar, meliputi seluruh umat Muhammad. Bersamanya cahaya yang jelas menerangi seluruh umat, menukar bentuk-bentuk dan mengecapinya dengan celupannya. Lebih daripada itu lagi, malah ia kunci yang dapat membuka pintu kebahagiaan yang kekal serta nikmat yang abadi.

Atas sebab-sebab yang disebutkan, Allah telah menyifatkan diri-Nya *Innahū Huwa al-Samī' al-Basīr* supaya menampakkan - pada amanah, cahaya dan kunci – apa yang dapat menyerlahkan hikmat-hikmat yang agung, merangkumi keseluruhan kejadian, berkenaan seluruh makhluk-Nya di jagat raya ini.

Dan contoh lain, Firman Allah (s.w.t):

الحمد لله فاطر السموات والأرض جاعل الملائكة رسلاً أولي أجنحة مثنى وثلاث ورباع يزيد في الخلق ما يشاء إن الله على كل شيء قدير (فاطر : 1)

Maksudnya: “Segala puji bagi Allah pencipta langit dan bumi, yang menjadikan malaikat sebagai utusan-utusan (untuk mengurus pelbagai macam urusan) yang mempunyai sayap masing-masing (ada yang) dua, tiga dan empat. Allah menambahkan apa yang dikehendakinya pada ciptaan-Nya itu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Fatir 35:1)

Dalam surah ini Allah berfirman: Sesungguhnya Pencipta tujuh petala langit dan bumi memiliki keagungan yang menghiaskannya dan menjelaskan kesan-kesan kesempurnaan-Nya dengan jumlah bukti yang tidak terhingga banyaknya. Ini membuatkan mereka sentiasa mengagungkan-Nya sehingga tidak henti-henti dengan pujian dan syukur. Allah Ta'ala juga menghiaskan bumi dan langit, dengan nikmat dan alamat yang tidak terhitung. Langit dan bumi turut memuji-Nya dengan lidah nikmat-Nya dan lidah manusia yang mendapat nikmat di permukaan bumi ini serta mengucap syukur kepada Penciptanya Yang Maha Pemurah.

Setelah itu Dia berfirman: “Sesungguhnya Dialah Allah yang menganugerahkan kecanggihan teknologi kepada manusia, dan sayap kepada burung-burung. Dengan teknologi atau sayap anugerah Allah itu dapatlah mereka bergerak dari satu bandar ke satu bandar lain, dan dari satu negeri ke negeri lain. Dan Dialah juga yang membenarkan penghuni bintang dan mahligai langit yang terdiri daripada para malaikat, supaya dapat bergerak di antara kawasannya di lapisan langit, sudah pasti Dialah yang berkuasa ke atas segalanya. Maksudnya, Dialah yang menganugerahkan sayap kepada lalat untuk terbang dari satu buah ke buah yang lain, juga burung mempunyai sayap untuk terbang dari satu pohon ke pohon yang lain. Dialah juga yang menjadikan para malaikat mempunyai sayap untuk terbang dari planet Zuhra ke Musytari atau dari Musytari ke Zuhal.

Sementara ayat *mathna wa thulath wa ruba'* pula menunjukkan bahawa malaikat tidak terhad dengan juz'iyah dan tidak dikaitkan dengan tempat tertentu, seperti keadaan penghuni bumi, malah ada kemungkinan ia wujud pada satu masa di empat bintang (planet) atau lebih.

Keadaan khusus (*juz'iyah*) ini - iaitu menyiapkan malaikat dengan sayap - menunjukkan keagungan kekuasaan Ilahi secara mutlak dan umum, dan menegaskan dengan kesimpulan “Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu”.

Kelebihan Kesepuluh Dari Segi Keindahan Balaghah.

Ayat al-Qur'an ada menyebut perbuatan-perbuatan mungkar yang dilakukan oleh manusia dan menyanggahnya. Kemudian Allah menutup keterangan ayat tersebut dengan menyebut nama-nama-Nya yang indah, menunjukkan rahmat-Nya supaya manusia tidak berputus asa. Contohnya, firman Allah (s.w.t):

قل لو كان معه آلهة كما يقولون إذا لابتغوا إلى ذي العرش
سبيلا * سبحانه وتعالى عما يقولون علواً كبيراً * تسبيح له
السموات السبع والأرض ومن فيهن وإن من شيء إلا يسبح
بحمده ولكن لا تفقهون تسبيحهم إنه كان حليماً غفوراً)
الإسراء : 42 44

“Kalau ada tuhan yang lain bersama Allah sebagaimana yang mereka katakan itu, tentulah tuhan-tuhan itu akan mencari jalan menuju kepada Allah yang mempunyai ‘Arasy. Maha Suci Allah yang Maha Tinggi dari apa yang mereka katakan itu. Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk di dalamnya sentiasa bertasbih kepada-Nya. Semuanya bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu tidak memahaminya. Sesungguhnya Allah Maha Penyebar lagi Maha Pengampun”.

(al-Isra’ 17:42-44)

Ayat ini menjelaskan: “Katakan kepada mereka sekiranya dalam kerajaan Allah ada yang berkongsi dengan-Nya seperti yang mereka ucapkan, nescaya tangan-tangan mereka akan mencampuri urusan ‘Arasy Allah. Lalu huru-haralah peraturan alam ini. Akan tetapi semua makhluk dari tujuh lapisan langit sehingga ke alam nyata, sejuzuk atau kesemuanya, yang kecil muhupun yang besar bertasbih dengan bahasa mereka serta memuji dan mensucikan-Nya dengan menyebut *al-asma’ al-Husna* serta membersihkan Allah dari sebarang pensyirikan.

Sesungguhnya langit mensucikan-Nya dan bersaksi atas keesaan-Nya, termasuklah pelbagai planet dan bintang yang beredar dengan mengikut peraturan-Nya. Sesungguhnya seluruh angkasa bertasbih mensucikan-Nya dan bersaksi atas keesaan-Nya melalui suara awan dan bahasa petir, guruh serta titsan hujan. Bumi memuji pencipta-Nya dan mentauhidkan Allah dengan perkataan makhluk yang hidup, iaitu haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang wujud di situ. Begitu juga tumbuh-tumbuhan memuji dan mentauhidkan Allah melalui suara dedaun, bunga dan buah-buahan.

Setiap makhluk yang kecil dan bahagian-bahagiannya yang halus bertasbih kepada Allah dengan isyarat-isyarat yang merupakan ukiran tertentu. Kesemuanya, dengan nama Allah Yang Maha Indah, memuji dengan kebesaran dan keesaan-Nya.. Oleh itu seluruh alam ini dengan lidah yang satu memuji pencipta-Nya Yang Agung dan bersama-sama mentauhidkan-Nya. Oleh demikian, sempurnalah tanggungjawab penghambaan terhadap Allah.

Manusia adalah sebaik-baik kejadian dicipta dengan tujuan dan sebagai khalifah yang mulia. Manusia diciptakan berbeza dengan makhluk lain. Tiba-tiba ada manusia yang kufur dan syirik kepada Allah. Kenapa manusia melakukan perkara buruk ini ? Berapakah banyak hukuman yang akan diterima atas apa yang mereka lakukan ? Sekalipun manusia berada di lembah putus asa, lalu Allah menerangkan pengharapan dan pengampunan dari al-Rabb al-Jalil seperti firman-Nya: *Innahu kana Haliman Ghafura*

إنه كان حلیمًا غفورًا

“*Sesungguhnya Dia mengampun dan amat Lembut (Penyayang)*”

(al-Isra’ 17:44)

Fahamilah dari isyarat kesepuluh *i’jaz* ini. Terdapat kesimpulan pada akhir ayat tersebut menunjukkan cahaya-cahaya pancaran hidayah *i’jaz* yang banyak. Sehingga para ahli bahasa tidak dapat menahan diri mereka dari kehairanan apabila berhadapan dengan susunan bahasa yang indah. Mereka berkata “Ini bukanlah bahasa manusia”. Dengan penuh keyakinan mereka mengimani firman Tuhan: *In huwa illa wahyun yuha*

إن هو إلا وحي يوحى

“*Sesungguhnya apa yang diucapkan olehnya (Muhammad [s.a.w]) adalah wahyu yang diutuskan kepadanya.*”

(al-Najm 53:4)

Inilah antara ayat yang menunjukkan kehebatan ayat al-Qur’an. Sedangkan masih terdapat banyak lagi ayat yang lain seumpamanya yang belum dikaji. Terdapat ciri-ciri *i’jaz* yang indah yang dapat dilihat oleh orang buta

Nur Ketiga

al-Qur’an al-karim tidak boleh dibandingkan dengan mana-mana perkataan. Kedudukan bahasanya yang tinggi mempunyai kekuatan, keelokan dan kecantikannya dalam empat perkara:

1. Yang berkata-kata

2. Yang dihadapkan kata-kata
3. Tujuannya
4. Kedudukannya.

Kedudukan kata-kata yang tinggi itu hendaklah dilihat kepada siapa yang berkata, kepada siapa dia berkata, kenapa dia berkata dan untuk apa dia berkata. Janganlah terbatas pada satu-satu aspek sahaja.

Kerana kekuatan dan keindahan perkataan mengandaikan empat perkara tersebut di atas, maka dengan memperhatikan sinaran pancaran cahaya al-Qur'an kamu akan lihat keindahan dan ketinggian.

Ya! Sesungguhnya bersandarkan kekuatan si pengungkap, jika perkataan itu berupa suruhan atau larangan maka terkandung kehendak orang yang berkata dan kekuatannya mengikut keperluannya, ketika itu kata-kata dapat memberi kesan positif seperti aliran elektrik yang tidak dihalang atau dilawan. Begitulah perkataan itu boleh menjadi kuat atau lemah mengikut nisbah tersebut. Contohnya, firman Allah:

يا أرض ابلعي مائك ويا سماء اقلعي (هود : 44)

“Wahai bumi! Seraplah air. Wahai langit!

Berhentilah dari menurunkan hujan”.

(Hud 11: 44)

Begitu juga firman-Nya:

فقال لها وللأرض ائتيا طوعاً أو كرهاً قالتا أتينا طائعين (فصلت : 11)

“Dan dia berkata kepada langit dan bumi, patuhilah kamu berdua akan perintah-Ku sama ada secara sukarela atau dengan paksa”. Keduanya menjawab “Kami berdua patuh dengan sukarela”.

(Fussilat 41:11)

Lihatlah kepada kekuatan dan ketinggian suruhan-suruhan-Nya. Kemudian lihatlah kepada kata-kata manusia terhadap benda-benda seperti : “Berhentilah wahai bumi, hujanlah wahai langit dan datanglah wahai kiamat.”

Bolehkah kita samakan perkataan itu dengan perkataan Allah yang lalu? Di manakah kehendak manusia yang diikuti hanya berasaskan

keinginannya (niat). Dari manakah datang suruhan ? Dialah yang memberi perintah dan menghitung amalannya.

Dari manakah perintah seorang ketua negara yang agung yang mana ia menyuruh tentera dengan berkata: Majulah. Di manakah perintah dari seorang tentera yang sederhana yang tidak diendakkannya. Kedua perintah tersebut sekalipun merupakan suatu gambaran tetapi jarak perbezaan kedua-duanya amat jauh seperti antara ketua umum dan tentera biasa. Contohnya firman Allah:

إنما أمره إذا أراد شيئاً أن يقول له كن فيكون (يس : 82)

“Sesungguhnya keadaan-Nya apabila menghendaki adanya sesuatu benda hanya dengan berkata: ‘Jadilah’ , maka terus benda itu menjadi”
(Yassin 36:82)

Begitu juga contoh lain seperti firman Allah:

وإذ قلنا للملائكة اسجدوا لآدم (البقرة : 34)

“Dan apabila Kami berkata kepada Malaikat sujudlah kamu kepada Adam, lalu Malaikat terus sujud.”

(al-Baqarah 2:34)

Lihatlah betapa hebatnya suruhan Allah seperti di atas. Kemudian bandingkanlah pula dengan perkataan manusia. Perbandingannya bagaikan cahaya kelip-kelip berhadapan dengan cahaya matahari yang terang-benderang.

Di manakah gambaran seorang pekerja yang melaksanakan amalannya? Di manakah kata-kata orang yang baik ketika membuat kebbaikannya. Setiap satu menggambarkan perbuatan. Dengan Dia berkata: “Lihatlah, saya membuat ini untuk ini, saya membuat ini untuk itu, ini begini dan itu begitu. Begitu juga Allah menerangkan perbuatan-Nya untuk dilihat mata dan didengar telinga, seperti firman Allah :

أفلم ينظروا إلى السماء فوقهم كيف بنيناها وزيناها وما لها من فروج * والأرض مددناها وألقينا فيها رواسي وانبتنا فيها من كل زوج بهيج * تبصرة وذكرى لكل عبد منيب * ونزلنا من السماء ماءً مباركاً فأنبتنا به جنات وحب الحصيد * والنخل باسقات لها طلع نضيد * رزقاً للعباد وأحيينا به بلدة ميتاً كذلك الخروج .
(ق : 6 11)

“Tidakkah kau melihat langit di atasmu, bagaimana kami membinanya dan kami menghiasinya serta ia tidak retak dan renggang. Dan bumi ini bagaimana kami bentangkan dan padanya kami meletakkan gunung yang kukuh serta kami menumbuhkan segenap jenis tanaman yang indah subur, untuk menjadi perhatian dan peringatan bagi setiap hamba yang mahu kembali (taat) kepadanya. Dan kami menurunkan air hujan yang banyak faedahnya dari langit lalu dengan itu kami menumbuhkan kebun-kebun dan bijian yang dituai. Serta pohon-pohon tamar yang tinggi menjulang mengelarkan mayang yang berlapis-lapis dan hebat putiknya. Semuanya sebagai rezeki bagi hamba-hamba kami. Dan dari air itu kami menghidupkan bumi yang mati. Demikian juga keadaan keluarnya (orang mati daripada kubur pada Hari Kiamat).”

(Qaf 50:6-11)

Di manakah lagi gambaran yang bergemerlapan seperti bintang dalam burujnya seperti yang digambarkan dalam al-Qur’an. Ia seperti buah syurgawi. Terdapat banyak dalil yang menerangkan keadaan manusia semasa dibangkitkan semula dan berhimpun di padang Mahsyar. Tidak ada penuturan manusia yang mampu menandingi al-Qur’an. Gambaran yang diberikan oleh al-Qur’an begitu indah dan jelas.

Dari penjelasan ayat *afalam yanzuru* (أفلم ينظروا) *sehingga kadhalik al-khuruuj* (كذلك الخروج) memerlukan masa yang panjang. Oleh itu kami memadai dengan penerangan ini dan meneruskan perkara yang lain.

Al-Qur’an membuat pendahuluan dengan jelas supaya golongan kafir dapat menerima kebenaran hari pembalasan kerana mereka mengingkarinya pada permulaan surah. Allah berfirman kepada mereka:

“Apakah kamu tidak melihat kepada langit di atasmu, bagaimana Kami mendirikan dengan binaan yang teguh teratur? Apakah kamu tidak melihat bagaimana Kami menghiasi langit itu dengan bintang, matahari dan bulan tanpa sebarang kekurangan dan kecacatan? Apakah kamu tidak melihat bagaimana Kami meluaskan bumi dan Kami menghamparkannya bagi kamu dengan penuh kebijaksanaan-Nya dan kemudian Kami mengukuhkan ia dengan gunung-ganang bagi mengimbangi lautan? Apakah kamu tidak melihat Kami menciptakan pasangan yang cantik dan berbagai-bagai pada bumi itu, sama ada pada tumbuhan atau sayuran dan Kami menghiasikannya seluruh permukaan bumi? Apakah kamu tidak melihat bagaimana Kami mencurahkan air yang berkat dari langit lalu menumbuhkan kebun-kebun tanaman dan buah-buahan yang lazat seperti tamar dan sebagainya sebagai rezeki bagi hamba Kami? Apakah mereka tidak melihat bagaimana Aku menghidupkan bumi yang mati dengan air itu? Aku mendatangkan keperluan dunia ini sepenuhnya. Sepertimana Aku mampu mengeluarkan tumbuhan dari bumi yang mati, begitulah juga Aku mampu menghidupkan kamu pada Hari Kiamat kelak dan pada ketika itu bumi akan mati dan kamu pula akan dibangkitkan dalam keadaan hidup.”

Demikianlah dengan jelas ayat-ayat itu memperkatakan kebenaran Hari Kiamat. Apa yang kami tunjukkan ini merupakan salah satu sahaja daripada ribuan ayat yang ada. Di manakah kata-kata yang didakwa oleh manusia terhadap Tuhan?

Sesungguhnya kami mengikuti dari awal risalah sehingga di sini sebagai jejak yang cenderung pada masalah *i'jaz*. Kami meninggalkan banyak kebenaran al-Qur'an yang tersirat. Kami membuat gambaran seperti cahaya lilin agar semua seteru tunduk pada *i'jaz* al-Qur'an.

Sekarang kajian kami telah sempurna dan telah menetapkan *i'jaz* al-Qur'an itu sebagai ketetapan yang bersinar. Kami menunjukkan sebahagian kata-kata berdasarkan nama Tuhan yang hakiki, bukan secara *ilmi*.

Demikianlah kedudukan al-Qur'an yang tidak nilai oleh apapun dalam dunia ini.

Di manakah ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan kejadian yang benar dan menjelaskannya. Di manakah pengertian yang diungkapkan melalui bahasa yang mencerminkan pemikiran dan perasaan ? Di manakah bahasa yang hidup seperti kehidupan malaikat yang suci ?

Kalimah-kalimah al-Qur'an yang dilimpahi dengan cahaya hidayah ialah kalam Pencipta matahari dan bulan, dan di mana sahaja perkataan-perkataan manusia yang penuh dengan pembohongan dan penipuan yang teliti adalah seperti tiupan seorang ahli sihir yang hanya hilang di udara, maksudnya ia tidak memberi manfaat.

Berapakah nisbah antara binatang-binatang yang melata di bumi ini yang beracun, malaikat yang mulia dan ahli sufi yang bercahaya? Sesungguhnya itulah dia nisbah yang sebenarnya antara perkataan manusia dan perkataan al-Qur'an al-karim, iaitu sangat kuat perbezaannya. Sesungguhnya hal ini telahpun sabit di dalam bab yang kedua puluh lima dan keseluruhan bab yang kedua puluh empat yang lalu. Dakwaan kami ini bukanlah semata-mata dakwaan, malah ia merupakan hasil daripada penjelasan yang telah dibuat terdahulu.

Di manakah setiap lafaz al-Qur'an yang merupakan kulit mutiara hidayah dan sumber kebenaran dan landasan Islam, yang turun daripada Arasy al-Rahman lalu menuju kepada manusia? Di manakah pertuturan Azali ini yang mengandungi ilmu pengetahuan dan kekuasaan kehendak Penciptanya, jika dibandingkan dengan pertuturan manusia lalai yang penuh dengan hawa nafsu?

Sesungguhnya al-Qur'an bagaikan pokok yang subur mengembangkan dahan-dahannya pada setiap sudut alam Islam. Manakala dedaunnya ialah keseluruhan syiarnya. Kesempurnaan dan hukum-hakamnya melahirkan aulia dan juga individu yang baik, bagaikan bunga-bunga yang

mekar dan cantik keindahannya serta kelembutannya seperti diambil air yang menyuburkan pokok tersebut. Dengan demikian berbuahlah kesempurnaan dan hakikat alam semula jadi serta ketuhanan. Sehingga terjadi setiap biji benih satu hukum yang boleh dilaksanakan dan dibuat sebagai panduan hidup. Alangkah jauhnya perbezaan antara kebenaran al-Qur'an yang berantai seumpama lebat dedaunan pohon yang berbuah dengan penuturan manusia biasa? Alangkah bezanya benda yang tersembunyi di bumi dengan kerdipan bintang-bintang di langit?

Sesungguhnya al-Qur'an menjelaskan hakikat segala perkara di alam ini dan membentangkannya di hadapan sekalian manusia sejak lebih 1300 tahun yang lalu. Setiap individu, setiap umat dan negara mengambil faedah daripadanya sehinggalah sekarang ini. Walaupun demikian, pengambilan itu berterusan mengikut masa yang lalu, tetapi ungkapan bahasa indah tidak berkurangan nilai dan kelembutannya. Keadaan ini menjadi satu *i'jaz*.

Sekarang jika salah seorang menyusun satu bahagian dari kebenaran yang didatangkan dari al-Qur'an mengikut hawa nafsunya dan tindakan yang tidak matang. Kemudian dibandingkan dengan bahasa al-Qur'an sebagai menyanggah beberapa ayatnya dan berkata: "Saya telah menyusun ayat seumpama al-Qur'an." Tidak syak bahawa pertuturan itu menjadi kebodohan dan kekejian seperti:

Seorang ahli bina mendirikan sebuah istana yang tersergam indah, batu-batunya terdiri daripada perbagai jenis permata dan meletakkan batu pertama dengan pelbagai keadaan. Dihiasinya dengan hiasan dan ukiran yang sesuai. Kemudian masuklah seorang yang bukan ahli seni dan tidak mengetahui nilai keindahannya, maka mulalah dia menukar ganti ukiran-ukiran batu tersebut mengikut kehendaknya, sehinggalah bertukar menjadi rumah biasa. Lalu dia menghiasinya mengikut kejahilannya dengan batu-batu tidak bernilai, seterusnya dia berkata: "Lihatlah kamu sekalian, saya ini mempunyai kemahiran dalam seni bina yang mengatasi kemahiran orang yang membina istana yang tersergam itu, saya mempunyai harta yang boleh membina lebih daripada satu istana. Lihatlah kamu sekalian batu permata

yang berharga ini. Tidak ragu lagi ucapan itu merupakan pertuturan orang yang tidak berakal.

CAHAYA KETIGA

Cahaya ini mengandungi tiga kilauan.

Kilauan Pertama

Sesungguhnya telah dijelaskan di dalam bahagian yang ketiga belas, salah satu bentuk daripada *i'jaz* ajaran al-Qur'an, maka di sini dimasukkan kajian itu beserta kajian *i'jaz* yang lain

Apabila anda mahu menyaksikan dan merasakan bagaimana setiap ayat al-Qur'an menyerlahkan cahaya *i'jaz* dan hidayahnya serta menerobos kegelapan kekufuran seperti bintang yang berkerlipan, gambarkanlah diri anda berada pada zaman Jahiliah padang pasir yang begitu asing dan jahil. Segala sesuatu telah dihijab oleh tabir kelalaian dan kejahilan, dan dibaluti dengan kekakuan. Tiba-tiba kamu melihat suatu kehidupan berlaku dalam kekakuan dan bangun bertasbih mengingati Allah dengan suara berdengung menyebut firman Allah:

يسبح لله ما في السموات وما في الأرض الملك القدوس العزيز الحكيم (الجمعة : 62 : 1)

Maksudnya: “Apa yang ada di langit dan di bumi telah bertasbih kepada Allah, Raja Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”. (al-Jumu'ah 62:1)

Terdapat bintang-bintang yang kaku pada wajah langit yang gelap, berubah pada pendengar menjadi mulut yang mengingati Allah seperti firman-Nya:

تسبح له السموات السبع والأرض

Maksudnya: “Apa yang ada di tujuh petala langit dan bumi telah bertasbih kepada Allah. .” (al Isra' 17:44)

Setiap bintang mengutus cahaya kebenaran dan menonjolkan kebijaksanaan Allah.

Begitu juga muka bumi yang didiami makhluk lemah, ia berubah dengan gema suara langit, lalu menjadi kepala yang sangat besar (berakal). Laut dan darat turut bertasbih dan menyembah Allah. Hal yang sama berlaku pada tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang sehinggakan seluruh permukaan bumi seolah-olah berdenyut dengan kehidupan.

Demikianlah apabila kita mengalih perasaan ke zaman tersebut, akan mengecap kehalusan *i'jaz* pada ayat-ayat al-Qur'an itu. Tanpa perasaan kamu tidak akan merasa kehalusan keindahan pada ayat-ayat al-Qur'an.

Apabila kamu melihat ayat al-Qur'an menurut situasi semasa kamu yang disinari dengan cahaya al-Qur'an sejak masa itu hingga esok secara biasa, dan seluruh ilmu-ilmu Islami memberi cahaya kepada situasi itu sehinggalah diperjelas dengan matahari al-Qur'an.

Maksudnya jika kamu melihat ayat-ayat tersebut dari sudut yang tertutup, kamu tidak akan melihat hakikat keindahan yang terdapat pada setiap ayat, dan bagaimanakah ia memadamkan malam gelap gulita dengan cahayanya terang. Kamu tidak akan merasa satu sudut *i'jaz* al-Qur'an daripada *i'jaz-i'jaz* yang banyak. Jika kamu ingin melihat kebesaran *i'jaz* dalam al-Qur'an, maka perhatikan contoh ini dan hayatilah kandungannya.

Perumpamaan seponon pokok yang aneh sangat tinggi dan rendah, telah ditutupi oleh penutup yang ghaib.

Terdapat penyesuaian dan hubungan antara dahan pokok dengan dedaunan, bunga dan buah-buahannya seperti ada penyesuaian anggota tubuh badan manusia. Setiap juzuk merupakan satu bentuk yang tertentu. Ia akan berubah mengikut condong pokok tersebut.

Jika salah seorang melukis seponon pokok yang tidak pernah dilihat sebelum ini dan dia menentukan kecondongannya dengan meletakkan garis-garis yang menunjukkan dedaunan, ranting dan buahnya, dia akan memperlihatkan gambaran secara sempurna. Pelukis itu telah melihat pokok

yang ghaib itu dengan pandangan yang ghaib. Dia mengetahuinya sehingga dapat menggambarannya.

al-Qur'an menjelaskan seperti contoh tersebut di atas. Penerangan mukjizatnya itu mengkhususkan kebenaran yang ada (hakikat itu merujuk kepada pokok kejadian yang menghulur dari permulaan kejadian dunia sehingga penutup di akhirat). Dari tersebar di permukaan bumi sehingga ke Arasy, dari sebesar semut sehingga ke matahari). Pada penjelasan tersebut al-Qur'an merangka secara seimbang dan sesuai. Ia memberi setiap gambaran satu corak yang sesuai sehinggakan para ulama ketika menjalankan kajian mereka terpegun sehingga menyebut: *... ما شاء الله ... ببارك الله*. Sesungguhnya yang menyelesaikan teka-teki alam ini dan membuka mata makhluk ialah kamu - satu-satunya al-Qur'an yang bijaksana.

Kita membuat perumpamaan dengan contoh pelbagai nama, sifat dan perbuatan Tuhan (urusan ketuhanan) seperti sephohon kebaikan yang mempunyai cahaya, menyinari lingkungan kebesaran-Nya dari Azali sehingga abadi. Meliputi kebesaran dan keagungan yang tidak ada batasnya, dan begitu luas dakwaan batasan itu seperti yang terkandung dalam beberapa ayat:

فالق الحب والنوى (الأنعام : 95)

“Yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuhan) dan biji (buah-buahan)”. (al-An'am 6:95)

يحول بين المرء وقلبه (الأنفال : 24)

“Yang berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya.” (al-Anfal 8:24)

هو الذي يصوركم في الأرحام كيف يشاء (آل عمران : 6)

“Dialah yang membentuk kamu dalam rahim ibumu sebagaimana yang dikehendaki-Nya”. (Ali 'Imran 3:6)

خلق السموات والأرض في ستة أيام (هود : 7)

“Yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa”.

(Hud 11:7)

والسّموات مطوّيات بيمينه (الزمر : 67)

“Langit tergulung dengan kuat kuasanya”.

وقو

(al-Zumar 39:67)

وسخر الشمس والقمر (الزمر : 5)

“Menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya”.

(al-Zumar 39:5)

Dapatlah kita lihat bahawa al-Qur'an al-karim telah menjelaskan hakikat kebenaran (cahaya) dengan segala bahagian, cabang, tujuan dan faedahnya dengan penjelasan yang begitu sempurna dan jitu. Sehingga tidak terhalang satu kebenaran dengan kebenaran yang lain dan tidak merosak hukum dengan hukum yang lain dan teidak membatasi satu hakikat dengan hakikat yang lain. Dengan gambaran yang bersepadu dan sesuai ini, al-Qur'an dapat menjelaskan kebenaran pelbagai nama ketuhanan Ilahi dan sifat-Nya yang Maha Besar serta segala urusan berhubung dengan ketuhanan, dan perbuatan yang penuh dengan hikmah sebagai satu penghuraian yang penuh mukjizat. Sehingga semua ahli pengkaji, pemikir, cerdik pandai dan ilmuan yang mencari-cari kebenaran di alam ghaib, dengan penuh ketakjuban membenarkan keterangan yang luar biasa (penuh mukjizat) lalu mereka berkata: Maha Suci Allah, alangkah benarnya ini! Alangkah sempurnanya dan bertepatan dengan hakikat kebenaran! Betapa indah dan amat sempurnanya!

Kita mengambil contoh Rukun Iman enam perkara yang menjurus kepada pelbagai macam perkara dan lingkungan ketetapan Tuhan yang ada di alam ini. Rukun Iman merupakan dahan daripada dua pokok besar ini. al-Qur'an telah menggambarkan iman dengan segala cabang pokok. Faedahnya dengan menjaga gambaran yang ada di dalam al-Qur'an itu melalui susunan terindah antara semuanya. Elok dan tetap ada kesamaan yang begitu padu dan seimbang sehingga akal fikiran manusia menjadi lemah untuk menjangkau dan kagum di hadapan keindahannya.

Islam yang menjadi cabang daripada pokok keimanan, al-Qur'an telah menghuraikan dan memberi gambaran yang indah dan mendalam terhadap

Rukun Islam yang lima, dan tetap menjaga keelokan dan kesempurnaan malah mengekalkan tujuannya, hukumnya dan faedahnya secara mendalam. Bukti yang jelas nyata ialah kesempurnaan peraturan hukum yang agung lahir daripada pelbagai nas dan ayat al-Qur'an yang mencakupi bermacam-macam tanda dan rumusnya. Kesempurnaan pelbagai peraturan hukum yang lengkap, pertimbangan yang begitu mendalam dan sebaik-baik penyusunan hukum-hakamnya dan ketetapanannya, setiap perkara itu akan ada saksi yang adil yang tidak melakukan dosa dan ada dalil yang pasti, tidak akan ada keraguan terhadap kebenaran al-Qur'an selamanya. Dengan pengertian lain, keterangan-keterangan bahasa ayat al-Qur'an ini tidak boleh disandarkan kepada sebahagian (juzuk) ilmu bagi manusia, terutama manusia yang tidak berilmu. Malah mestilah disandarkan kepada ilmu yang luas, mendalam dan meliputi semua perkara.

Inilah kebenaran firman Allah (yang terkandung di dalam al-Qur'an) yang Maha Besar, penuh dengan hujah yang nyata jelas, kekal abadi dan bukti segala hakikat kebenaran.

Kilauan Kedua

Falsafah (pemikiran) manusia yang mencuba melawan hikmah kebenaran al-Qur'an dan berusaha menentangnya, telah tewas di hadapan hikmah kebesaran al-Qur'an yang maha tinggi. Ini seperti yang telah diterangkan dalam perkataan yang kedua belas, tentang kaedah penyusunan bahasa cerita dan diteguhkan dengan kepastian yang nyata dalam perkataan-perkataan yang lain.

Kita beralih kepada risalah-risalah itu. Di sini kita akan menyimpulkan satu pertimbangan yang mudah antara keduanya dari satu sudut yang lain, iaitu sudut pandangan kedua-duanya terhadap dunia seperti di bawah ini:

Falsafah pemikiran manusia tentang dunia ini sentiasa berada dalam keadaan yang tetap. Mereka menyebut zat, perkara-perkara yang ada di alam ini dan keistimewaannya dengan panjang lebar dan lebih terperinci. Apabila

mereka menyebut tugas dan peranan perkara-perkara yang ada di alam ini, menunjukkan pencipta alam ini, maka mereka akan menyebutnya dengan ringkas sahaja, di samping menghuraikan ukiran alam dan huruf-hurufnya. Pada ketika itu tidak diambil kira makna dan maksudnya dengan lebih teliti.

al-Qur'an melihat dunia ini sebagai tempat lintasan dengan penipuan yang berkesinambungan, sentiasa berubah dan tidak tetap. Ia menginggung perkara-perkara khusus yang ada di alam ini dan zatnya yang berbentuk benda yang zahir dengan cara yang ringkas, sedangkan ia menghuraikan tentang peranan dunia dengan cukup sempurna melalui penyembahan dan peribadatan kepada pencipta alam ini yang Maha Agung itu. Penjelasannya sejauh mana perkara-perkara yang ada di alam ini mengikut perintah Allah Ta'ala dan segala seginya membuktikan kebesaran nama Penciptanya. Inilah huraian yang lebih terperinci.

Dalam perbahasan ini, kita melihat pemikiran perbezaan antara falsafah al-Qur'an, tentang dunia serta perkara-perkara yang ada di alam ini, dari sudut ringkas dan terperinci. Kita melihat di manakah letaknya hakikat kebenaran yang sebenar.

Sesungguhnya jam tangan yang ada pada kita nampak teguh dan tetap. Namun ada perubahan, pertukaran, getaran yang banyak. Samada sentiasa ada gerakan atau getaran pada jam dan alat-alatnya yang halus. Begitulah yang ada pada sebuah jam, demikian pula pada dunia ini. Seolah-olah ia sebuah jam besar yang telah dicipta oleh kuasa yang maha besar (Allah). Secara pasti ia teguh dan tetap keadaannya. Namun ia sentiasa mengalami perubahan, bergelora, sentiasa dalam keadaan bergolak yang mengakibatkan berlakunya kehilangan dan kemusnahan, maksudnya berlalunya waktu (masa) di dunia. Maka ada malam dan siang, seperti jarum jam yang dua di dalam jam yang besar itu. Bertukar dengan cepat. Jadilah "tahun" seolah-olah di tiap minit pada sebuah jam, dan "zaman/dekad" berlalu seolah-olah jarum jam. Begitulah masa di dunia yang hilang lenyap. Kekal hari ini, berganti yang berlalu dan masa akan datang yang tetap akan menjadi tiada. Yang kekal abadi hanyalah satu Wujudullah.

Maka dunia menjadi tambahan kepada gambaran yang dilalui oleh masa. Ia seperti jam yang sentiasa mengalami perubahan dan tidak tetap dari sudut tempat; kerana cuaca seperti satu-satu tempat berada dalam pertumbuhan yang cepat dan perubahan yang sambung-sinambung. Ia sentiasa bertukar, berubah haluan secara terus menerus sehingga berlaku pada satu hari beberapa kali hujan yang lebat. Kemudian berubah pula kepada keadaan yang cerah. Iaitu seolah-olah cuaca bertukar dengan cepat dan berpindah-pindah seperti jarum yang ada pada jam besar.

Bumi pula merupakan pusat bagi dunia. Pada dasarnya (luaran) seperti satu tempat yang sentiasa berlaku perubahan dan silih berganti secara berterusan, dari kematian dan kehidupan. Dari sudut tanaman dan binatang pula, ia seperti jarum minit yang menjelaskan kepada kita bahawa dunia ini merupakan lintasan sementara yang berjalan dengan sisa-sisa kebinasaan.

Begitu juga bumi yang sentiasa mengalami perubahan. Oleh itu apa yang ada di permukaan bumi mengalami banyaknya perubahan, gempa yang berakhir dengan keruntuhan bukit dan tanah, menjadikannya seperti jarum jam yang berjalan perlahan-lahan. Dan ini memberi penjelasan kepada kita bahawa dunia ini juga menuju kepada kelenyapan dan kehancuran.

Tentang “langit”, ia merupakan bumbung dunia. Perubahan yang berlaku di dalamnya samada dengan pergerakan planet-planet di angkasa, atau munculnya bintang-bintang, dan berlakunya gerhana matahari dan bulan. Bintang dan tahi bintang yang gugur dan contoh-contoh lain daripada perubahan-perubahan yang banyak, menjelaskan bahawa langit bukanlah satu yang tetap dan teguh. Bahkan ia menuju ke arah kebinasaan. Perubahannya sama seperti jarum jam yang menunjukkan ia juga menuju ke arah keruntuhan, kelenyapan dan kebinasaan walaupun perjalanannya agak lambat.

Begitulah dunia, dengan ibaratnya seperti dunia itu sendiri yang didirikan di atas tujuh rukun yang akan runtuh pada setiap waktu dan bergegar

tergelincir setiap masa. Dunia yang sentiasa mengalami perubahan, gegaran dan kegoncangan apabila ia menuju kembali kepada pencipta-Nya yang Maha Besar. Oleh yang demikian, segala perubahan dan pergerakan ini merupakan gerakan pena kuasa Ilahi ketika menulis tentang segala keadaan perubahan ini di atas permukaan alam ini. Perubahan ini seperti pantulan cahaya cermin tajalli nama Tuhan, dan menjelaskan urusan-urusan-Nya yang Maha Bijaksana dan bersifat dengan sifat-sifat yang banyak dan yang selayak bagi-Nya.

Begitulah dunia yang menuju ke arah kerosakan dan kebinasaan, menuju kematian dan kehancuran. Lintasan dunia ini lalu seperti air yang mengalir. Namun kelalaian manusia terhadap Tuhannya menjadikan air yang mengalir itu menjadi beku, dan pemahaman tentang tabi'at yang bersifat kebendaan telah mengeruhkan kesucian dunia dan mencontengnya, sehingga menjadikan dunia ini sebagai hijab dengan dinding tebal yang menutupi Hari Akhirat.

Pemikiran falsafah manusia yang tidak baik dan cetek, dengan pemahaman kebendaan dan keinginan tidak berguna yang sering menelurkan perselisihan telah menyebabkan dunia ini tebal dengan kekerasan dan bertambah beku. Semakin mendalam kelalaian manusia, semakin meningkat kecemaran dan huru-hara dunia sehingga terlupa tentang adanya pencipta yang Maha Besar dan Hari Akhirat yang menggembirakan.

Berhubung dengan al-Qur'an yang menggoncangkan dunia ini, goncangan yang amat kuat dari sudut ia hanyalah dunia sehingga jadilah ia seperti bulu yang terbang dan ini seperti dalam firman Allah Ta'ala:

القارعة ما القارعة (القارعة : 1)

“Hari yang menggemparkan.”

“Apakah hari yang menggemparkan itu” (al-Qari'ah 111:1)

إذا وقعت الواقعة (الواقعة : 1)

“Apabila berlaku kiamat” (al-Waqi'ah 56:1)

والطور * وكتاب مسطور (الطور : 1-2)

“Demi Gunung Tursina, dan demi kitab yang tertulis dengan rapi.” (al-Tur 52:1-2)

dan banyak lagi contoh ayat lain. Kemudian al-Qur’an memberi dunia ini kejernihan, kesucian yang menghilangkan huru hara dan kekeruhan. Ini jelas dengan keterangan yang indah dalam firman Allah Ta’ala:

أولم ينظروا في ملكوت السموات والأرض (الأعراف : 185)

“Tidakkah mereka mahu memerhatikan alam langit dan bumi ...” (al-A’raf 7:185)

أفلم ينظروا إلى السماء فوقهم كيف بنيناها (ق : 6)

“Maka tidakkah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka, bagaimana kami membinanya.”
(Qaf 50:6)

أولم ير الذين كفروا أن السموات والأرض كانتا رتقاً (الأنبياء : 30)

“Dan tidakkah orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asalnya bercantum.” (al-Anbiya’ 21:30)

Terdapat banyak lagi contoh daripada pelbagai ayat yang penuh dengan hikmah dan kebijaksanaan.